

06/07/2001

Jepun cadang Asia anjur sidang puncak IT

KUALA LUMPUR, Khamis - Jepun mencadangkan negara Asia mengadakan sidang puncak teknologi maklumat (IT) dengan matlamat utama menyamaratakan piawai IT rantau ini.

Menteri Ekonomi dan Dasar Fiskal Jepun, Heizo Takenaka, berkata beliau mengemukakan cadangan itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dan Perdana Menteri menyokong idea berkenaan dan berharap pelaksanaannya dapat dipercepatkan.

Heizo yang juga Menteri IT Jepun berkata, butiran mengenai sidang puncak itu sedang diperincikan pada peringkat pentadbiran kedua-dua negara dan dengan sokongan dan kerjasama kerajaan Malaysia, ia dapat dipercepatkan.

"Dr Mahathir mencadangkan sidang puncak itu dijadikan medan untuk menyamakan piawai dasar IT di rantau Asia berikutan perubahan pantas sektor IT dunia," katanya sambil menambah dasar IT akan menjadi topik utama pada sidang puncak itu.

Beliau berkata demikian pada sidang media di sini, hari ini selepas mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perdana Menteri di pejabatnya.

Heizo berkata, IT adalah antara agenda utama yang akan diperkukuhkan menerusi pakej struktur pemulihan ekonomi Jepun selain penekanan kepada globalisasi dan liberalisasi.

Beliau juga mencadangkan sidang puncak IT itu turut menjemput ahli perniagaan dari negara peserta.

Pertemuan berkenaan disasarkan menjadi wadah kepada pemeteraian usaha sama niaga dalam bidang IT di kalangan usahawan Asia.

Cadangan mengenai sidang puncak IT itu juga mendapat sokongan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong selepas Heizo mengemukakan cadangan itu dalam pertemuan mereka di Singapura, semalam.

Pertemuan dengan Dr Mahathir adalah sebahagian siri lawatan Heizo ke negara Asean untuk menerangkan langkah agresif pemulihan ekonomi Jepun yang diketuai Perdana Menteri Jepun, Junichoro Koizumi.

Katanya, dalam pertemuan itu, beliau menerangkan kepada Dr Mahathir bahawa Koizumi mempunyai peluang cerah menjayakan pemulihan ekonominya. Ini disebabkan beliau (Koizumi) mempunyai asas politik yang amat kukuh kerana mendapat sokongan 80-90 peratus rakyat Jepun.

(END)